



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**PENERIMAAN GAYA PERHIASAN INGGERIS KE DALAM PERHIASAN  
TRADISIONAL MELAYU**

ROHAMANINA BT ALI

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian  
(Pengurusan Seni)  
2016

**PENERIMAAN GAYA PERHIASAN INGGERIS KE DALAM PERHIASAN  
TRADISIONAL MELAYU**

ROHAMANINA BT ALI

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2016

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: \_\_\_\_\_

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the WEDNESDAY day of 8 JUN 2016.

Student's Declaration:

I ROHAMANINA BT ALI, 38496, FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF- (PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare that the work entitled PENERIMAAN GAYA PERHIASAN INGGERIS KE DALAM PERHIASAN TRADISIONAL MELAYU is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

8 JUN 2016

Date submitted

Rohamanina Bt Ali (38496)

Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

I PROF. MADYA DR. NORIA TUGANG (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that the work entitled PENERIMAAN GAYA PERHIASAN INGGERIS KE DALAM PERHIASAN TRADISIONAL MELAYU (TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a \* partial/full fulfillment for the conferment of IJAZAH SARJANA MUDA SENI GUNAAN DENGAN KEPUJIAN (PENGURUSAN SENI) (PLEASE INDICATE THE DEGREE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: Prof. Madya Dr. Noria Tugang

(Name of the supervisor)

Assoc. Professor Dr Noria Tugang  
Faculty of Applied and Creative Arts  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Date: 8 JUN 2016



I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)\*  
 **RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)\*  
 **OPEN ACCESS**

### Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirm with free consent and willingly declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature \_\_\_\_\_



(Date)

8 JUN 2016

Supervisor signature: \_\_\_\_\_



(Date)  
Assoc. Professor Dr. Paterla Tugang  
Faculty of Applied and Creative Arts  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK


Current Address:

Kg Senor Meranti,  
17010 Pasir Mas  
Kelantan

Projek bertajuk kajian '**Penerimaan Gaya Perhiasan Inggeris Ke Dalam Perhiasan Tradisional Melayu**' telah disediakan oleh Rohamanina Bt Ali dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian Pengurusan Seni.

Assoc. Professor Dr Noria Tugang  
Faculty of Applied and Creative Arts  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Diterima untuk diperiksa oleh:



(Prof. Madya Dr. Noria Tugang)

Tarikh:

8 Jun 2016

## **PENGHARGAAN**

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera...

Bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-NYA saya dapat menyiapkan kajian ini dengan lancar dan sempurna. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih ditujukan kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam proses menyiapkan kajian ini.

Kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah-pensyarah Pengurusan Seni, terutama sekali kepada Penyelia Projek Tahun Akhir saya iaitu Prof. Madya Dr. Noria Tugang yang telah memberi tunjuk ajar, bimbingan, dorongan dan semangat sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Tanpa tunjuk ajar daripada beliau mungkin kajian ini tidak dapat disempurnakan dengan baik. Selain itu, beliau juga merupakan seorang pensyarah yang memberi sepenuhnya tanggungjawab dan komitmen dalam membantu serta memberi tunjuk ajar kepada saya.

Jutaan terima kasih ditujukan kepada keluarga di atas pengorbanan mereka dalam memberi nasihat, semangat, bimbingan dan dorongan serta bantuan kewangan kepada saya dalam menyiapkan kajian ini. Tanpa berkat dan doa mereka tidak mungkin saya berjaya menyiapkan kajian ini dengan sempurna.

Tidak lupa juga kepada kawan-kawan yang disayangi, terima kasih kerana banyak memberi bantuan dan sokongan kepada saya semasa menjalankan kajian ini. Akhir kata dari saya, terima kasih atas segala-galanya. Jasa kalian amat dihargai dan selamat maju jaya.

**Sekian, terima kasih.**

## **SENARAI KANDUNGAN**

### **ISI KANDUNGAN**

### **MUKA**

#### **SURAT**

Penghargaan	i
Isi kandungan	ii-iv
Abstrak	v
<i>Abstract</i>	<i>vi</i>

#### **SENARAI GAMBAR RAJAH**

Gambar Rajah 1.4.1	: Peta Kawasan Kajian di Bandar Klang
Gambar Rajah 1.4.2	: Peta Kawasan Kajian di Negeri Kelantan
Gambar Rajah 1.7.1	: Kerangka Teori Idea Hiasan Inggeris

#### **BAB 1: PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan	1-2
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Objektif Kajian	3
1.4 Lokasi Kajian	4-5

1.5 Skop Kajian	5-6
1.6 Batasan Kajian	6-7
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	8-10
1.8 Kepentingan Kajian	10-11
1.9 Masalah Yang Dihadapi Semasa Menjalankan Kajian	11-12
 <b>BAB 2: SOROTAN KESUSASTERAAN</b>	
2.1 Pengenalan	13
2.2 Kaitan Kajian Dengan Aspek Gaya Inggeris	13-14
2.3 Kaitan Kajian Dengan Aspek Penerimaan	14-16
2.4 Kaitan Kajian Dengan Aspek Kepelbagaian	16-18
2.5 Kaitan Kajian Dengan Aspek Perhiasan Tradisional Melayu	19-21
2.6 Kaitan Kajian Dengan Aspek Dekorasi	21-22
2.7 Kaitan Kajian Dengan Aspek Keindahan	22-23
2.8 Kaitan Kajian Dengan Aspek Warna	23-25
2.9 Rumusan	25
 <b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1 Pengenalan	26



3.2 Kaedah Perpustakaan	26-27
3.3 Kaedah Kerja Lapangan	27
3.3.1 Pemerhatian	27
3.3.2 Pemerhatian Turut Serta	27-28
3.3.3 Dokumentasi	28
3.3.4 Temubual	28
3.4 Instrumen Kajian (Proses Kajian)	29-31
3.5 Rumusan	31
<b>BAB 4 ANALISA DAN DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1 Pengenalan	32
4.2 Analisa Data	32-42
4.3 Dapatan Kajian	42-43
4.4 Rumusan	44
<b>BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
5.1 Kesimpulan	45-48
5.2 Cadangan Untuk penggemar gaya hiasan inggeris	48
5.3 Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	48-49
<b>RUJUKAN</b>	<b>50-51</b>

<b>LAMPIRAN</b>		<b>51-60</b>
Lampiran 1		51-54
Lampiran 2		54-59
Lampiran 3		60

## ABSTRAK

Kajian ini meneliti tentang aspek penerimaan gaya perhiasan Inggeris ke dalam perhiasan tradisional Melayu. Aspek penerimaan perhiasan Inggeris kini telah diterima pakai oleh masyarakat dan telah menjadi satu trend terbaru pada masa kini yang amat popular dan digemari kebanyakan wanita Malaysia. Hiasan Inggeris ini boleh didefinisikan sebagai satu perhiasan untuk menghias sesuatu dalaman seni, bagi melengkapi perabot sesebuah rumah, pejabat, dan kedai. Perhiasan Inggeris ini amat berkait rapat dengan corak dan motif bunga-bunga yang halus dan warna-warna yang lembut digunakan untuk mengilhamkan kesegaran ruangan hiasan. Objektif kajian ini yang ingin dicapai ialah mengkaji gaya perhiasan Inggeris dalam mengadaptasikan dan pengubahsuaian gaya Inggeris ke dalam masyarakat Melayu. Manakala objektif kedua pula ialah meneliti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Melayu dalam pemilihan dan pengubahsuaian untuk penerapan dekorasi Inggeris ke dalam dekorasi tradisioanal Melayu dan objektif yang terakhir ialah melihat faktor-faktor penerimaan gaya perhiasan Inggeris dalam kalangan peminat-peminat seni perhiasan moden. Kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah temubual yang dijalankan di beberapa buah rumah kediaman penggemar perhiasan Inggeris. Menerusi dapatan kajian ini dirumuskan bahawa dengan secebis minat dan sikap mahu mendalami hiasan moden melalui penggemar-penggemar dapat memberikan pendedahan kepada generasi muda yang akan datang mengenai dekorasi gaya perhiasan Inggeris.

## **Abstract**

*This study examines aspects jewelry style reception English into Malay traditional jewelry. English acceptance of jewelry has now been adopted by the community and has become the latest trend nowadays very popular and loved most Malaysian women. English decor can be defined as an ornament to decorate the interior of an art, to furnish a home, office, and shop. Watch English is very closely related to patterns and floral motifs are subtle and soft colors used for indoor decoration inspired freshness. The objective of this study is to be achieved is to study jewelry styles in adapting English and English-style modifications to the Malay community. While the second objective is to examine the challenges faced by the community in the selection and implementation of modifications to decorating decoration traditional English into French and the last objective is to see the factors of acceptance English style jewelry among fans of modern art jewelry. The study also used qualitative methods, namely based on interviews conducted in several residential houses jewelry English fans. Through this study concluded that a key piece of interest and want to learn modern décor attitude through fan-lovers can expose the younger generation to come of English decorating style jewelry.*



# BAB SATU

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Maksud hiasan Inggeris adalah segala yang digunakan untuk menghias sesuatu dalaman seni untuk melengkapi perabot sesebuah rumah, pejabat dan kedai. Perhiasan gaya Inggeris pastinya berkait rapat dengan motif bunga-bunga dan warna-warna yang lembut. Idea susun atur gaya Inggeris turut membabitkan perhiasan kecil dalam pelbagai koleksi yang digunakan. Di samping itu, gaya Inggeris ini wajib menggunakan motif bunga-bunga dalam menghias, dan tidak boleh keterlaluan kerana boleh menyebabkan ruang yang dihiasi hilang fokus. Selain itu, kepelbagaian corak dan saiz motif bunga-bunga juga mengilhamkan kesegaran ruang. Warna dominan misalnya ros putih, kuning bunga matahari dan merah halia bara menguasai fabrik dekorasi. Dekorasi Inggeris ini juga bersesuaian untuk kegunaan segenap ceruk misalnya sebagai kusyen hiasan, langsir, alas meja, kelengkapan menghidang, pelekat dinding mahupun aksesori seramik.

Selain itu, maksud tradisi masyarakat Melayu adalah sesuatu kebiasaan (adat atau kepercayaan) yang kekal turun-temurun. Masyarakat bermaksud kumpulan manusia yang hidup bersama. Oleh itu tradisi masyarakat bermaksud sesuatu kebiasaan yang kekal turun-temurun dalam masyarakat iaitu sekumpulan manusia. Perhiasan tradisional Melayu ini merupakan salah satu daripada kraf tradisional malahan perhiasan ini lebih mendalami tentang asal usul reka bentuk, reka corak, alat media dan teknik untuk menghasilkan perhiasan diri. Ianya juga menghasilkan salah satu reka corak baru iaitu, satu perhiasan dari melalui proses stailisasi berdasarkan

bahan semulajadi yang telah digunakan oleh nenek moyang kita. Sebagai contoh penggunaan ini banyak digunakan pada ukiran kayu, terutamanya di negeri Pantai Timur. Selain itu, tujuan perhiasan ini banyak digunakan pada zaman-zaman terdahulu kerana adalah dapat menonjolkan kaedah ukiran yang dihasilkan dengan menggunakan tangan.

Di samping itu, kepuasan pelanggan adalah penting untuk memastikan produk ini lebih terjamin bersaing di pasaran dan berjaya mencipta kejayaan. Antara kaedah yang digunakan untuk memahami keperluan pelanggan ialah kaedah eksplorasi, di mana kebanyakan suri rumah dan wanita-wanita yang berkerjaya lebih ramai yang memelih hiasan Inggeris sebagai pelengkap aksesori rumah mereka.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Menurut (Piaw, 2006) permasalahan kajian merupakan isu yang timbul, yang menarik perhatian atau menjadi penggerak serta dorongan untuk melakukan kajian keatasnya. Selain itu menurutnya lagi, dalam penulisan cadangan penyelidikan, masalah amat penting kerana ianya merupakan faktor pertimbangan utama sama ada kajian perlu dilakukan atau tidak.

Antara permasalahan kajian adalah:

- i) Penerimaan gaya perhiasan Inggeris ke dalam masyarakat Melayu.
- ii) Barangan perhiasan Inggeris yang terlalu mahal, memerlukan kos yang tinggi dan sukar untuk mendapatkan barangan perhiasan Inggeris.
- iii) Sesetengah masyarakat Melayu yang memiliki status yang tinggi dan mementingkan konsep perhiasan rumah mengikut peredaran masa.


### 1.3 Objektif Kajian

Dalam penyelidikan ini iaitu “Penerimaan Gaya Perhiasan Inggeris ke dalam Perhiasan Tradisional Melayu”, penyelidik menetapkan tiga objektif penyelidikan dalam mengetahui hasil di akhir penyelidikan.

- I. Mengkaji gaya perhiasan Inggeris dalam mengadaptasikan dan pengubahsuaian gaya Inggeris ke dalam masyarakat Melayu.
- II. Meneliti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh masyarakat melayu dalam pemilihan dan pengubahsuaian untuk penerapan dekorasi Inggeris ke dalam dekorasi tradisional Melayu
- III. Melihat faktor-faktor penerimaan gaya perhiasan Inggeris dalam kalangan peminat- peminat seni perhiasan moden




## 1.4 Lokasi Kajian



Rajah 1.4.1 : Peta Kajian di Bandar Klang

(Sumber: [http://www.my-rummy.com/klang/images/Peta\\_Klang\\_01.gif](http://www.my-rummy.com/klang/images/Peta_Klang_01.gif))





**Rajah 1.4.2: Peta Kajian di Kota Bharu, Kelantan**  
 (Sumber: <https://www.google.com/search?q=peta+banda+kota+bharu&sa>)

### 1.5 Skop Kajian

Skop kajian merupakan bidang kajian yang hendak di kaji dalam melakukan penyelidikan. Dalam kajian ini, pengkaji akan membuat penyelidikan dalam bidang penerimaan Gaya Perhiasan Inggeris ke dalam Perhiasan Tradisional Melayu. Oleh hal yang demikian, pengkaji akan meneliti konsep perimaan gaya perhiasan Inggeris

kedalam perhiasan tradisional Melayu, iaitu cara yang digunakan untuk mendekorasi gaya hiasan Inggeris oleh para penggemar. Skop kajian ini tertumpu di Bandar Klang dan Bandar Kota Bharu, Kelantan. Di samping itu, kajian ini juga akan melakukan penelitian terhadap pengemar-pengemar gaya dekorasi Inggeris dalam mengadaptasikan pengubahsuaian di kediaman mereka.

Selain daripada itu, kajian ini juga akan melihat cabaran-cabaran yang dihadapi oleh para peminat dalam pemilihan dan pengubahsuaian gaya dekorasi Inggeris ke dalam dekorasi hiasan tradisional melayu. Kajian ini juga akan melihat faktor-faktor penerimaan gaya Inggeris dalam kalangan peminat-peminat seni hiasan moden dalam pengubahsuaian di kediaman mereka.

### **1.6 Batasan Kajian**

Batasan kajian merupakan batasan atau ruang lingkup penyelidikan dalam melakukan kajian. Batasan utama kajian ini ialah tertumpu pada tempoh masa kajian iaitu selama dua bulan. Masa tersebut adalah sangat singkat iaitu dua bulan pengkaji dalam melakukan kajian lapangan di tempat penyelidikan. Batasan kedua pula adalah, berkaitan dengan tempat kajian yang dilakukan oleh pengkaji untuk mendapatkan data kajian iaitu di bandar Klang dan Bandar Kota Bharu, Kelantan. Jarak tempat kajian ini adalah menjadi batasan kajian kerana ianya sangat jauh dengan tempat pengkaji iaitu di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Oleh hal yang demikian, pengkaji terpaksa menggunakan masa cuti semesta dan masa cuti pertengahan semesta untuk membuat kajian lapangan.


Batasan kajian ini juga merangkumi golongan sasaran yang berperanan penting sebagai pemberi maklumat atau data kajian iaitu pemilik-pemilik rumah yang

mengamalkan konsep dekorasi Inggeris Selain daripada itu, batasan kajian juga tertumpu kepada kandungan atau bahan yang digunakan dalam membuat kajian iaitu seperti melihat sendiri cara peminat-peminat dalam menghias dan cara pengubahsuaian konsep Inggeris di kediaman mereka.

Di samping itu juga, batasan kajian juga tertumpu kepada kandungan atau bahan yang digunakan dalam membuat kajian ini seperti rakaman video pengubahsuaian, majalah-majalah hiasan dalaman, keratan akhbar, dan blog-blog semasa. Bahan-bahan tersebut adalah sangat terhad dan pengkaji terpaksa mengambil maklumat tambahan berdasarkan temubual yang dijalankan terhadap peminat-peminat hiasan gaya Inggeris.



## 1.7 Kerangka Konseptual Kajian



**Rajah 1.7.1: Kerangka Teori Idea Hiasan Inggeris**

**Sumber (Nawi, 2014), dalam keratan akhbar Dekotaman**

(Nawi, 2014) telah menghasilkan Idea Hiasan Gaya Inggeris, iaitu dalam penulisannya Kreatif paduan Gaya Inggeris yang lebih menelitikan ciri-ciri lakaran indah berasaskan bunga-bunga sebagai gaya hiasan eksklusif. Disamping itu juga, dekorasi gaya Inggeris ini juga adalah satu *trend* terbaru masa ini yang amat popular dan digemari kebanyakan wanita di Malaysia. Ini kerana dekorasi gaya Inggeris amat berkait rapat dengan motif bunga-bunga dan warna-warna yang lembut. Idea susun atur gaya Inggeris turut membabitkan perhiasan kecil dalam pelbagai koleksi. Menurut (Nawi, 2014) lagi, kepelbagaian corak dan saiz motif bunga juga mengilhamkan kesegaran ruang hiasan.



Selain itu juga, ini membuktikan bahawa teori yang digunakan oleh beliau adalah mengikut kaedah modenisasi. Modenisasi menurut pendapat Moore adalah salah satu proses yang melibatkan perubahan menyeluruh terhadap masyarakat tradisional atau pramoden kepada bentuk teknologi dan organisasi sosial berkaitan yang membentuk masyarakat maju seperti Negara Dunia Barat yang memiliki ekonomi makmur dan politik yang stabil. Perkataan Inggeris itu dipinjam daripada perkataan Arab *mudun* atau *madani* yang bermaksud masyarakat yang maju dan berbudaya tinggi.

Modenisasi juga adalah satu daripada konsep hidup yang amat berpengaruh dan dengan ini perlu mengetahui sama ada dalam rangka pengajian mahupun tentang Islam pada zaman moden. Modenisasi bagi masyarakat barat pula, bererti segala fikiran aliran dan gerakan dan usaha untuk merubah fahaman, istiadat, intitusi lama dan sebagainya supaya bersesuaian dengan suasana baru yang ditimbulkan oleh kemajuan ilmu dan teknologi moden yang dipetik dalam penulisan artikel Maruwiah Ahmat. Kajian ini mengadaptasikan teori idea hiasan Inggeris kepada kajian penerimaan gaya hiasan Inggeris ke dalam perhiasaan tradisional Melayu untuk satu bentuk penerimaan kreatif dan gaya perhiasan Inggeris. Melalui pengaplikasian daripada teori tersebut, kajian ini dapat menerangkan prinsip-prinsip dasar yang mencirikan fenomena sebenar kepada kajian ini. Berdasarkan pengadaptasian yang telah dilakukan terhadap kerangka teori idea hiasan Inggeris, terdapat lima elemen yang ditetapkan oleh pengkaji terhadap kerangka teori ini tersebut iaitu dengan cita rasa, minat, segi gaya, zaman dan idea reka letak. Penjelasan kerangka teori adalah bermula dari atas iaitu cita rasa.

Cita rasa adalah amat penting, ini kerana peminat yang meminati gaya Inggeris ini adalah mempunyai cita rasa yang berbeza dalam pengubahsuaian di kediaman mereka sendiri. Idea hiasan Inggeris amatlah penting kerana dengan penerimaan secara terbuka adalah dari segi konsep menghias ruang dengan membeli perhiasan yang kecil mengikut keperluan bajet yang diperuntukkan sahaja. Apabila perhiasan ini dimulakan dengan menghiasi segenap ruang rumah maka dekorasi hiasan akan nampak lebih menarik. Ini kerana dengan permulaan yang sederhana cantik ianya dapat lagi menarik lebih ramai peminat untuk menggemari kekreatifan konsep gaya Inggeris tersebut. Dalam penerimaan gaya perhiasan Inggeris ini juga, idea reka letak amat di titik beratkan. Ini kerana idea reka letak yang sebenar bergantung kepada kreativiti dan keberanian diri sendiri tanpa meniru gaya hiasan tradisional yang lama.

### **1.8 Kepentingan Kajian**

Selari dengan arus kemodenan pada zaman kini ramai masyarakat Melayu terutamanya para wanita, lebih berminat untuk mempelajari atau mendalami perhiasan Inggeris dan mengaplikasikan pengubahsuaian mengikut citarasa masing-masing. Konsep yang berasaskan motif bunga-bunga dan idea mengubah pelbagai koleksi yang sedia ada kepada sesuatu yang baru. Oleh yang demikian penyelidikan ini memainkan peranan penting kepada generasi yang akan datang untuk menerokai dan mempelajari gaya hiasan Inggeris dengan mengikut *trend*. Selain itu, penyelidikan ini juga dapat menjadikan Seni Hiasan Inggeris sebagai salah satu *trend* mengikut peredaran zaman pada masa kini, dalam masa yang sama ianya juga dapat memainkan peranan penting kepada peminat gaya Inggeris yang berada di Malaysia iaitu kepada golongan wanita yang suka mencari kelainan dalam menghias dan

pengubahsuaian kediaman mereka. Justeru itu juga, para peminat dapat mendalami sedikit sebanyak mengenai asal usul perhiasan Inggeris dan nilai estetikanya.

Penyelidikan ini juga dapat berkongsi idea bersama-sama dengan peminat konsep gaya Inggeris terutamanya golongan wanita, tidak kira wanita yang berkejaya mahupun suri rumah sepenuh masa yang meminati dengan kelainan yang ditonjolkan dan lebih meminati kepada lakaran indah yang berasaskan bunga-bunga kecil sebagai gaya hiasan eksklusif. Selain daripada itu juga, penyelidikan ini memainkan peranan penting dalam menerapkan ilmu mengenai dekorasi kesenian dari segi gubahan, reka letak, dan pengubahsuaian sebagai salah satu pembaharuan untuk menkreatifkan lagi seni hiasan tradisional melayu yang dulu.

### **1.9 Masalah Yang Dihadapi Semasa Menjalankan Kajian**

Masalah-masalah lain yang dihadapi oleh pengkaji semasa menjalankan kajian ini adalah seperti tempat kajian yang jauh, pengangkutan, kekangan masa dan kekangan kewangan. Semasa menjalankan kajian ini, pengkaji juga turut menghadapi masalah seperti lokasi kajian yang agak jauh. Lokasi kajian iaitu di Bandar Klang dan Bandar Kota Bharu, Kelantan. Masalah ketika kajian dijalankan di Bandar Klang, pengkaji terpaksa mencari beberapa orang informan untuk ditemubual.

Seterusnya, pengangkutan juga sangat penting dalam menjalankan sesuatu kajian. Sebagai seorang pelajar, pengangkutan merupakan satu masalah apabila tidak mempunyai kemudahan pengangkutan sendiri untuk digunakan bagi mengunjung atau melawat ke lokasi kajian dalam mengumpulkan data-data skunder dan juga data primer penyelidikan.



Disamping itu juga, perkara yang dihadapi oleh pengkaji juga adalah masa. Dengan kekangan masa yang ada, pengkaji menghadapi masalah dalam menyiapkan kajian ini. Hal yang demikian, sebagai seorang pelajar masa adalah sangat terbatas dan terhad kerana terpaksa membahagiakan masa untuk menghadiri kuliah, untuk menyiapkan tugas dan juga terpaksa menjalankan penyelidikan ini. Tambahan pula, dalam menjalankan kajian ini, pengkaji memerlukan masa yang banyak.